JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PELAWAAN PERMOHONAN
***MANAGEMENT TRAINING PROGRAM FOR JUNIOR OFFICERS* 2022**

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempelawa **Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) Gred 41-44** yang berminat dan berkelayakan untuk memohon ***Management Training Program for Junior Officers* 2022** yang akan dikendalikan oleh pihak Japan International Cooperation Agency (JICA) di Jepun bermula daripada 13 September 2022 hingga 1 Oktober 2022. Permohonan secara dalam talian dibuka mulai daripada **27 Jun 2022 sehingga 8 Julai 2022** melalui pautan https://esilav2.jpa.gov.my.

Borang permohonan yang telah dilengkapkan secara dalam talian hendaklah dicetak, ditandatangani dan dikemukakan kepada pihak JPA melalui **Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) masing-masing** beserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan. Borang permohonan yang lengkap beserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan tersebut hendaklah dikemukakan oleh PPSM masing-masing dan diterima oleh pihak JPA **selewat-lewatnya pada 15 Julai 2022** sama ada melalui serahan tangan / pos melalui alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran LDP)

Syarat-syarat dan tatacara permohonan adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B** masing-masing. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung program ini, sila hubungi pihak penyelaras di talian telefon : **03 – 8885 3053** atau **e-mel : penawaranldp@jpa.gov.my**

Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam

27 Jun 2022